

30 AUG 2002

Mahathir-ICT (bergambar)/I

MALAYSIA KE ARAH KURANGKAN JURANG MAKLUMAT ANTARABANGSA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Malaysia sedang bergerak ke arah mengurangkan jurang maklumat dan digital antarabangsa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata ini dapat dilakukan kerana Malaysia telah banyak belajar daripada pengalaman projek Koridor Raya Multimedia (MSC), satu kawasan seluas 750 km persegi dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang, yang dikhaskan sebagai pusat bagi produk dan pembangunan multimedia.

"Negara telah banyak belajar daripada pengalaman MSC, dan dengan wujudnya Lembah-Bio nanti, kita yakin Malaysia sudah melangkah maju ke arah mengurangkan jurang maklumat dan digital antarabangsa," katanya semasa melancarkan perkhidmatan dan identiti korporat Malaysia Debt Ventures Berhad (MDVB) di Bank Industri dan Teknologi Malaysia Bhd di sini.

MDVB merupakan satu kemudahan baru yang dibiayai oleh Jepun untuk merangsang pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), dengan dana sebanyak RM1.6 juta dari Japan Bank for International Cooperation. Ia adalah skim pertama di Asia untuk pembiayaan hutang untuk projek.

Dr Mahathir, bagaimanapun berkata, kejayaan Malaysia dalam sektor ICT dan sektor bioteknologi yang semakin menonjol, bergantung kepada keinginan untuk menghadapi cabaran di kalangan usahawan tempatan.

Dalam konteks ini, katanya, sektor ICT dan bioteknologi memerlukan usahawan yang bukan saja mempunyai kelayakan akademik yang sewajarnya, tetapi juga mempunyai sifat ingin meneroka, inovatif, kreatif dan sanggup menghadapi kegagalan dan halangan.

"Saya yakin kemudahan pembiayaan yang mesra pelanggan yang ditawarkan oleh Malaysia Debt Ventures ini akan membantu menjayakan perniagaan mereka," kata Perdana Menteri.

Setiap tahun kerajaan menyediakan peruntukan yang besar untuk pembangunan ICT di negara ini. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005), sebanyak RM7 bilion disediakan untuk sektor ICT.

"Penekanan yang diberikan oleh kerajaan terhadap ICT, dan kini bioteknologi, bukannya dibuat secara tergesa-gesa.

"Pembiayaan merupakan halangan utama kepada syarikat-syarikat tempatan, dan kita sedar bahawa untuk menentukan pertumbuhan sektor ini, industri kewangan tempatan haruslah bertindak balas secara proaktif," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan tahu bahawa institusi kewangan biasa termasuk bank dan syarikat modal teroka, kini beroperasi mengikut kemampuan sendiri dalam menyediakan sokongan pembiayaan kepada pelbagai syarikat ICT.

Dr Mahathir berkata dengan penubuhan MDVB dan kemudahan pinjaman RM1.6 bilion, syarikat-syarikat yang berjaya mendapatkan perniagaan dan kontrak ICT yang mempunyai nilai tambah, kini boleh memohon dari dana itu dan tumbuh dengan lebih pantas.

Beliau berkata penubuhan MDVB mengukuhkan lagi perhubungan baik yang sedia terjalin antara Malaysia dan Jepun.

Sambil mengakui Malaysia sentiasa menyanjung semangat inovasi di kalangan rakyat Jepun, Perdana Menteri berkata semangat seperti itu amat diperlukan dalam bidang ICT, dan akhir-akhir ini pula, dalam sains kehidupan dan bioteknologi.

"Kerajaan Jepun telah bermurah hati menyediakan kemudahan pinjaman ini dan saya berharap Malaysia Debt Ventures Berhad, dan lebih penting lagi, penerima pinjaman daripada dana ini, supaya memikul tanggungjawab dengan

sepenuhnya," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau yakin amalan urus tadbir yang baik walaupun di peringkat awal perniagaan, pastinya akan membina keyakinan di kalangan pelabur selain menyemai sifat disiplin dan akauntabiliti di kalangan usahawan.

"Saya yakin pinjaman ini akan terbukti berguna dalam menyediakan pembiayaan yang amat diperlukan oleh syarikat-syarikat yang terlibat dalam ICT dan sektor yang mencatat pertumbuhan tinggi untuk menjalankan projek-projek bagi membangunkan penyelesaian dan produk inovatif," katanya.

Dana ICT itu, yang bertujuan mengurangkan jurang digital antara negara-negara maju dan membangun, adalah skim terbesar pertama yang dihasilkan daripada Sidang Kemuncak Kyushu Okinawa Summit dua tahun lepas.

Cagaran untuk mendapat pinjaman adalah fleksibel dan mungkin dalam bentuk kontrak, jaminan peribadi atau korporat, surat kredit dan hak harta intelektual.

Dana itu terbuka kepada sesiapa saja yang terlibat dalam ICT seperti pembuat perisian, pembekal perkhidmatan dan perniagaan yang berkaitan dengan pendidikan, penjagaan kesihatan, hiburan dan yang berhubung kait dengan Internet.

-- BERNAMA

RV MAM MAI